# Penggugat ringgit akan dihukum

31 OCT 1984

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan akan mengenakan hukuman yang setimpal ke atas sesiapa sahaja yang bertanggungjawab menimbulkan isu bahawa ringgit Malaysia akan dinilai semula seperti yang dihebohkan baru-baru ini.

Oleh HAFIFI HAFIDZ

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, yakin isu itu ditimbulkan oleh mereka yang tamak sifatnya yang berharap membuat keuntungan daripada keadaan itu.

Beliau menegaskan, Kerajaan tidak percaya penilaian semula Ringgit dapat menyelesaikan masalah ekonomi negara, kerana kemantapan ekonomi adalah disokong oleh daya pengeluaran yang tinggi.

Berucap di majlis makan malam tahunan Persatuan Bank-Bank dan Institusi Kewangan Malaysia di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, dalam keadaan harga barangan yang turun naik, langkah menilai semula matawang akan memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara.

Tambahnnya, dalam keadaan demikian adalah sangat merbahaya jika mereka yang tidak bertanggungjawab dibenarkan menjalankan urusniaga matawang.

## Tamak

"Orang-orang ini bersifat tamak dan bertindak tanpa mengikut etika. Jika tertangkap, kita akan mengenakan hukuman yang sewajarnya," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, sistem kewangan dunia kini adalah berbeza. Satu ketika dahulu kadar pertukaran asing setiap negara itu ditetapkan, tetapi kini tidak digunakan lagi.

"Kerajaan tidak mempunyai kuasa mutlak menentukan nilai matawangnya sendiri. Matawang kini adalah seperti bijih timah dan kelapa sawit. Ia diperdagangkan dan sering dipengaruhi oleh spekulasi.

"Oleh itu, saya menyeru bank-bank tempatan dan asing yang turut mengurusniagakan Ringgit Malaysia menghormati segala kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka serta berpegang kuat kepada etika kewangan," jelasnya.

Tambah beliau, jika dua perkara itu terus dipatuhi, ia akan membawa satu kejayaan besar bagi jangka masa panjang.

## Kerugian

Datuk Seri Dr Mahathir juga menjelaskan, sesuatu kejayaan itu tidak akan tercapai tanpa pengurusan yang baik dan ini dapat dilihat daripada pencapaian yang diperolehi oleh negara sekarang.

"Kerugian yang menimpa BMF baru-baru ini menunjukkan kurangnya perhatian kepada pengurusan yang cekap dan pengendalian yang sempurna," jelas beliau.

Tambahnya, mereka yang bersalah tetap akan menerima hukuman dan ia mesti dijadikan teladan di masa depan.

Perdana Menteri berkata, pengurus-pengurus institusi kewangan, seperti juga pengurus syarikat awam dan swasta, mesti benar-benar membabitkan diri secara bertanggungjawab dalam segala kegiatan di bawah kuasanya.

"Itulah sebabnya kerajaan mengasingkan jawatan pengerusi bukan eksekutif dan ketua eksekutif dalam syarikat-syarikatnya," kata beliau.

Menurut beliau lembaga pengarah sesebuah institusi kewangan mestilah sentiasa memastikan keberkesanan dan kecekapan para kakitangannya.